

Kumpulan Utama 5:

PEKERJA PERKHIDMATAN DAN JUALAN

Pekerja perkhidmatan dan jualan menyediakan perkhidmatan peribadi berkaitan dengan perjalanan, tukang masak, pelayan dan pelayan bar, pendandan rambut, jurusolek, penyelia bangunan dan pengemasan, pekerja perkhidmatan dan perkhidmatan penjagaan diri, atau perlindungan terhadap kebakaran, dan perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau bergaya sebagai model bagi satu-satu ciptaan dan pameran seni, atau menunjuk cara dan menjual barangan di kedai borong atau runcit dan pertubuhan seumpamanya serta di gerai dan pasar. Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran kedua.

Kumpulan utama ini terdiri daripada kumpulan sub-utama yang berikut:

- 51 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI
- 52 PEKERJA JUALAN
- 53 PEKERJA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL
- 54 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

51 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI

Pekerja perkhidmatan peribadi menyediakan perkhidmatan peribadi dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perjalanan, tukang masak, pelayan dan pelayan bar, pendandan rambut, jurusolek, penyelia bangunan dan pengemasan, serta pekerja perkhidmatan peribadi yang lain.

Kumpulan sub-utama ini terdiri daripada kumpulan kecil yang berikut:

- 511 ATENDAN PERJALANAN, KONDUKTOR, DAN PEMANDU PERJALANAN
- 512 TUKANG MASAK
- 513 PELAYAN DAN PELAYAN BAR
- 514 PENDANDAN RAMBUT, JURUSOLEK, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN
- 515 PENYELIA BANGUNAN DAN PENGEMASAN
- 516 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI LAIN

511 ATENDAN PERJALANAN, KONDUKTOR, DAN PEMANDU PERJALANAN

Atendan perjalanan, konduktor, dan pemandu perjalanan menyediakan pelbagai perkhidmatan peribadi berhubung dengan perjalanan dengan pesawat udara, kereta api, kapal, bas, atau kenderaan lain, dan mengiringi individu atau rombongan yang melancong, dan melawat tempat perlancongan.

5111 ATENDAN PERJALANAN DAN PELAYAN PERJALANAN

Atendan perjalanan dan pelayan perjalanan memberi perkhidmatan peribadi untuk memastikan keselesaan dan keselamatan penumpang. Perkhidmatan ini termasuk menghidangkan makanan dan minuman serta menyelaraskan aktiviti pengemasan dan sosial.

Tugas merangkumi:

- menyambut penumpang menaiki kapal terbang, membawa mereka ke tempat duduk, memastikan tali pinggang dipakai dan tanda “dilarang merokok” dan seumpamanya dipatuhi;
- mengendalikan pemeriksaan keselamatan dan menunjukkan penggunaan peralatan keselamatan seperti tali pinggang keselamatan dan topeng oksigen serta membantu penumpang apabila berlaku kecemasan;
- mengagihkan bahan bacaan, fon kepala, selimut, dan barang yang seumpamanya serta menjawab pertanyaan penumpang;
- menghidangkan makanan dan minuman yang sudah tersedia;
- menjual barangan bebas cukai kepada penumpang;
- memberi bantuan perubatan yang ringan kepada penumpang yang memerlukan;
- menjaga keperluan am dan keselesaan penumpang kapal dan kereta api;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51111 *Atendan, kabin kapal*
- 51112 *Penyelia, pramugara*
- 51113 *Pelayan, aras*
- 51114 *Atendan, kapal terbang*
- 51115 *Pramugari, kapal terbang*
- 51116 *Pelayan, kereta api*
- 51117 *Atendan, lapangan terbang*

5112 KONDUKTOR PENGANGKUTAN

Konduktor pengangkutan memungut atau mengeluarkan tiket serta menjaga keselamatan dan keselesaan di dalam kereta api, trem, bas, dan jenis pengangkutan awam yang lain.

Tugas merangkumi:

- memungut atau mengeluarkan tiket, pas atau tambang, atau memeriksa kesahihan tiket terdahulu;
- menjaga gerabak tidur di dalam kereta api penumpang, termasuk memeriksa kesahihan tiket penumpang, menjaga keselamatan mereka dan memberi maklumat yang diminta;
- memastikan peraturan keselamatan dipatuhi;
- memberi maklumat kepada penumpang khususnya tentang perhentian dan sambungan perjalanan;
- bekerjasama dengan pemandu dalam menepati jadual masa;
- mengambil tindakan yang sewajarnya jika berlaku kecemasan;
- bertanggungjawab membantu Penyelia Stesen atau Eksekutif Operasi dalam mengurus, menyelia dan mengatasi masalah operasi trafik, kakitangan, perdagangan dan lain-lain supaya dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan ekonomi kepada pengguna-pengguna keretapi;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51121** *Konduktor, bas*
- 51122** *Inspektor, tiket*
- 51123** *Pengawal, kereta api penumpang*
- 51124** *Atendan, gerabak tidur*
- 51125** *Pengurus stesen N19*

5113 PEMANDU PERJALANAN

Pemandu perjalanan mengiringi individu atau kumpulan dalam rombongan melancong, menerangkan tempat yang menarik dan memberi perkhidmatan yang lain.

Tugas merangkumi:

- mengiringi pelancong dan memastikan keselesaan mereka;
- memastikan tempahan untuk pengangkutan dan penginapan disahkan serta jadual perjalanan yang disediakan diikuti;
- mengiringi pelancong melancong dan menerangkan tempat yang menarik;
- mengiringi pelancong ke muzium dan pameran serta memberi penerangan tentang apa yang dipamerkan;
- memandu kumpulan pelawat kilang dan pertubuhan yang seumpamanya serta memberi penerangan yang berkaitan;
- mengendalikan aktiviti luar seperti mendaki gunung, memburu, atau memancing;
- memungut bayaran masuk;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51131** *Pemandu, pelancong*
- 51132** *Pemandu, galeri seni*
- 51133** *Pemandu, lawatan kilang*
- 51134** *Pemandu, perjalanan/persiaran*

512 TUKANG MASAK

Tukang masak merancang, mengatur, menyediakan, dan memasak makanan di hotel, restoran, dan tempat makan awam yang lain, di atas kapal, di dalam kereta api penumpang, di rumah persendirian dan institusi atau pertubuhan yang lain. Bekerjasama dengan personel lain untuk merancang dan mencipta resepi dan menu dengan mengambil kira faktor kebolehdapatan ramuan yang bermusim dan anggaran bilangan pelanggan.

5120 TUKANG MASAK

Tukang masak merancang, mengatur, menyediakan dan memasak makanan di hotel, restoran dan tempat makan awam yang lain di atas kapal, di dalam kereta api penumpang, di rumah persendirian dan institusi atau pertubuhan yang lain.

Tugas merangkumi:

- merancang hidangan dan menu, memesan bekalan bahan mentah makanan serta menyediakan dan memasak bahan makanan;

- memantau kualiti di semua peringkat penyediaan dan hidangan serta menguatkuasakan peraturan kebersihan;
- menunjukkan teknik dan memberi nasihat tentang prosedur memasak;
- merancang, menyelia, dan menyelaraskan kerja di dapur;
- memastikan kebersihan kakitangan di dapur, pinggan mangkuk, perkakas, peralatan dapur, dan kawasan kerja;
- menganjurkan promosi makanan;
- bertanggungjawab menentukan keperluan bahan kering dan basah untuk dimasak, menerima dan memeriksa barangan keperluan memasak, menyediakan bahan masak, memelihara kebersihan peralatan dan kawasan dapur, memastikan peralatan dapur di simpan dan dikunci serta dalam keadaan baik;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

51201 *Jurumasak*

51202 *Tukang masak, kapal*

51203 *Tukang masak, perkhidmatan persendirian*

51204 *Tukang masak, pengetinan dan pengawetan makanan*

51205 *Tukang masak N1*

513 PELAYAN DAN PELAYAN BAR

Pelayan dan pelayan bar menghidangkan makanan dan minuman di tempat makan dan minum yang beroperasi secara komersil seperti di kelab, institusi dan kantin, di atas kapal, dan di dalam kereta api penumpang.

5131 PELAYAN DAN PELAYANITA

Pelayan dan pelayanita menyambut pelanggan, mengiringi mereka ke tempat duduk, memberi menu, mengambil pesanan makanan dan minuman, dan menghidangkan makanan dan minuman kepada pelanggan. Mereka juga menjawab pertanyaan, menerangkan dan menjelaskan menu dan keistimewaannya, memastikan meja dan kawasan tempat makan bersih serta menyediakan meja makan baru.

Tugas merangkumi:

- menyediakan dan mengatur meja serta mengiringi tetamu ke meja;
- memberi menu dan mengesyorkan tetamu tentang hidangan dalam menu;
- mengambil pesanan serta menghidang makanan dan minuman;
- menasihati pelanggan tentang pilihan wain dan menghidangkannya;
- menghidangkan minuman beralkohol dan tidak beralkohol di bar;
- menyerahkan bil kepada pelanggan dan menerima bayaran;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

51311 *Ketua, pelayan*

51312 *Dang pawara*

51313 *Pelayan dan pelayanita, makanan dan minuman*

51314 *Penyelia, makanan dan minuman*

51315 *Pekerja makanan dan minuman, bankuet*

51316 *Pekerja makanan dan minuman, perkhidmatan bilik*

51317 Pekerja makanan dan minuman

5132 PELAYAN BAR

Pelayan bar mencampur dan menghidangkan minuman kepada pengunjung secara terus atau melalui pelayan. Mengutip bayaran untuk minuman yang dihidangkan, menyemak pengenalan pelanggan untuk memastikan syarat umur dipatuhi untuk membeli minuman beralkohol dan cuba menghadkan masalah pelanggan yang mengambil minuman beralkohol secara berlebihan dengan mengambil langkah seperti memujuk pelanggan berhenti minum atau memanggil teksi atau pengangkutan lain untuk pengunjung yang mabuk.

Tugas merangkumi:

- menyediakan dan mengaturkan meja serta mengiringi tetamu ke meja;
- memberi menu dan mengesyorkan tetamu tentang menu yang sesuai;
- mengambil pesanan serta menghidangkan makanan dan minuman;
- menasihati pelanggan tentang pilihan wain dan menghidangkannya;
- menghidangkan minuman beralkohol dan tidak beralkohol di bar;
- menyerahkan bil kepada pelanggan dan menerima bayaran;
- membersihkan gelas, perkakas dan peralatan bar;
- merancang, menganjur dan mengawal operasi bar;
- menyediakan pembuka selera seperti jeruk, keju dan daging sejuk;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

51321 Pelayan bar

51322 Pembantu, pelayan bar

51323 Pelayan makanan dan minuman bar

514 PENDANDAN RAMBUT, JURUSOLEK, DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Pendandan rambut, jurusolek, dan pekerja yang berkaitan memotong dan menggayakan rambut, mencukur dan merapi janggut, memberi rawatan kecantikan, mengenakan alat solek dan mekap serta memberi rawatan yang lain kepada pelanggan untuk menyerikan lagi wajah mereka.

5141 PENDANDAN RAMBUT

Pendandan rambut menyediakan perkhidmatan kecantikan seperti mencuci, memotong, mewarna, dan menggayakan rambut serta mengurut dan merawat kulit kepala serta boleh juga mengenakan mekap, rambut palsu, mencabut bulu roma, dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kuku dan kulit.

Tugas merangkumi:

- memotong, mencuci, mewarna, dan mengerintingkan rambut serta mencukur atau merapi janggut;
- memberi rawatan kulit kepala;
- mengenakan rambut palsu mengikut kehendak pelanggan;
- membersihkan dan menyapu krim, losen, dan produk yang berkenaan pada muka dan bahagian badan yang lain;
- mengurut muka dan badan;
- mengenakan mekap kepada pelanggan salon kecantikan;
- mengenakan mekap kepada pelakon dan penghibur lain;

- membersihkan, membentuk, dan mengilatkan kuku jari tangan dan kaki serta memberi rawatan ringkas pada kaki seperti kemasukan, kalus, dan kuku jari kaki yang bermasalah;
- membantu pelanggan mandi dan melakukan urutan asas;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

51411 *Pendandan rambut*

51412 *Tukang gunting rambut*

51413 *Pendandan gaya rambut*

5142 JURUSOLEK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Jurusolek dan pekerja yang berkaitan memberi pelbagai bentuk rawatan kecantikan kepada pelanggan, memeriksa kulit pelanggan dan mencadangkan rawatan yang sesuai, mengenakan alat solek dan mekap, dan memberi rawatan lain kepada individu untuk menambahkan penampilan mereka.

Tugas merangkumi:

- membersihkan dan menyapu krim, losen, dan produk yang berkenaan pada muka dan bahagian badan yang lain;
- mengurut muka dan badan;
- mengenakan mekap kepada pelanggan;
- mengenakan mekap kepada pelakon dan penghibur lain;
- membentuk, mewarna, dan memberi rawatan lain pada bulu kening dan mata;
- mewarnakan rambut dan memberi rawatan rambut;
- membersihkan, membentuk, dan mengilatkan kuku jari tangan dan kaki serta memberi rawatan ringkas pada kaki seperti kemasukan, kalus, dan kuku jari kaki yang bermasalah;
- boleh membersihkan, membentuk, dan mengilatkan kuku jari tangan;
- boleh menyediakan alat solek khas untuk pelanggan;
- membantu pelanggan mandi dan memberi urutan asas;
- mengenakan mekap kepada artis, juruacara, dan orang yang muncul di pentas atau dalam filem atau televisyen;
- bertanggungjawab membantu jurusolek artis untuk mengenakan mekap dan menggayakan rambut di luar atau di dalam studio;
- menyediakan bahan yang perlu seperti topeng getah atau plastik, rambut atau janggut palsu;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

51421 *Jurusolek*

51422 *Mak andam*

51423 *Jurusolek tangan*

51424 *Jurusolek kaki dan kuku*

51425 *Juruestetika*

51426 *Jurusolek B11*

515 PENYELIA BANGUNAN DAN PENGEMASAN

Penyelia bangunan dan pengemasan menyelaras, menyusun jadual, dan menyelia kerja tukang cuci dan kakitangan pengemasan lain di premis komersil, industri, dan kediaman. Mereka

bertanggungjawab atas pengemasan dan pengelolaan majlis di hotel, pejabat, pangsapuri, rumah, dan tempat tinggal persendirian.

5151 PENYELIA PENCUCIAN DAN PENGEMASAN DI PEJABAT, HOTEL DAN PERTUBUHAN LAIN

Penyelia pencucian dan pengemasan di pejabat, hotel dan pertubuhan lain mengatur, menyelaraskan, dan melaksanakan kerja pengemasan untuk memastikan bahagian dalam dan lekapan di hotel, pejabat, dan pertubuhan lain, serta di dalam pesawat udara, kereta api, bas, dan kenderaan seumpamanya supaya kemas dan bersih.

Tugas merangkumi:

- melatih, memecat, mengatur, dan menyelia pembantu, tukang cuci, dan kakitangan pengemasan lain;
- membeli atau mengawal pembelian bekalan;
- mengawal penyimpanan dan pengeluaran bekalan;
- menyelia kebajikan am dan tingkah laku individu dalam institusi;
- menyapu atau memvakum, mencuci dan menggilap lantai, perabot, dan lekapan yang lain;
- mengemas katil, mencuci bilik mandi dan membekalkan tuala dan sabun serta barangan yang berkaitan;
- mencuci dapur secara amnya membantu dalam kerja-kerja dapur, termasuk membasuh pinggan mangkuk;
- mengisi semula stok minibar dan menukar barang seperti gelas dan kelengkapan menulis;
- bertanggungjawab menyediakan semua urusan pakaian keperluan rancangan televisyen, penjadualan tugas kakitangan unit pakaian, berurusan mendapatkan penajaan pakaian serta memastikan kesesuaian dari segi fesyen dan warna, menentukan kebersihan pakaian;
- bertanggungjawab mengendalikan pengurusan hostel, penginapan, menyelia dapur dan dewan makan, memeriksa bahan-bahan mentah, mencuba hidangan dan menyelia pekerja, dan peralatan dapur serta hostel;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51511** *Penyelia, bankuet/hotel dan penginapan*
- 51512** *Pembantu penyelia, pengemasan*
- 51513** *Kapten, aras*
- 51514** *Pembantu, pakaian*
- 51515** *Jurukemas, hotel*
- 51516** *Penyelia, jurupakaian N17*
- 51517** *Matron, pengemasan*
- 51518** *Penyelia, asrama N17*

5152 JURUKEMAS DOMESTIK

Jurukemas domestik mengatur, menyelia, dan melaksanakan kerja pengemasan di rumah persendirian dengan atau tanpa sokongan kakitangan bawahan.

Tugas merangkumi:

- menyelia pekerja yang diambil bekerja di dalam rumah sebagai kakitangan domestik;
- membeli atau mengawal pembelian bekalan;
- mengawal penyimpanan dan mengeluarkan bekalan;
- membantu dalam kes kecederaan atau penyakit ringan dengan melaksanakan tugas seperti mengambil suhu, memberi ubat, atau membalut luka;
- menyapu, memvakum, menggilap dan mencuci lantai dan perabot atau lekapan yang lain;
- mengemas katil, mencuci bilik mandi, dan membekalkan tuala, sabun dan barangan yang berkaitan;
- menjaga haiwan peliharaan dan tumbuh-tumbuhan, menerima pelawat, menjawab telefon, menghantar pesanan, dan membeli barang dapur;
- menyediakan, memasak, dan menghidangkan makanan dan minuman serta mengemas meja;
- mencuci dapur dan secara amnya membantu dalam kerja-kerja di dapur, termasuk membasuh pinggan mangkuk;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:**51521 Pelayan, tingkat/ hotel dan penginapan****51522 Pembantu, linen****51523 Atendan, pengemas kain****51524 Pekerja, bilik pengemasan****5153 PENJAGA BANGUNAN**

Penjaga bangunan menjaga pangsapuri, rumah, hotel, pejabat, gereja, dan bangunan lain dan memastikan semuanya dalam keadaan bersih dan teratur. Mereka boleh menyelia pekerja dan kontraktor lain bergantung pada saiz dan jenis bangunan yang dijaga.

Tugas merangkumi:

- menyelia kerja kakitangan dan kontraktor pencucian, pengemasan, dan penyelenggaraan bangunan;
- terlibat dalam kerja mencuci, membaiki, dan menyelenggara kerja ringan di dalam bangunan;
- menjaga relau dan dandang untuk menjamin bekalan haba dan air panas;
- mengawasi kelakuan penghuni dan pelawat seperti tidak membuat bising atau merosakkan harta benda;
- memberi perkhidmatan mudah kepada penghuni yang tiada di kediaman seperti menerima penghantaran bagi pihak mereka atau memberi penerangan kepada pemanggil telefon;
- memaklumkan kepada pihak pengurusan dan pemilik bangunan keperluan pembaikan bangunan;
- meronda bangunan untuk memastikan keselamatan terpelihara;
- melengkapkan borang pendaftaran dan memberi salinan peraturan kepada penghuni;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:**51531 Penjaga, bangunan**

- 51532** *Penyelia, rekreasi*
- 51533** *Ketua, pekerja rencam*
- 51534** *Siak/nuja*

516 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI LAIN

Pekerja perkhidmatan peribadi lain melaksanakan tugas untuk menyerikan penampilan individu, menemani atau menjaga busana dan barang peribadi majikan yang lain atau menyediakan perkhidmatan pengerasan dan mengebumian mayat.

5161 AHLI NUJUM, TUKANG TILIK DAN PEKERJA YANG BERKAITAN

Ahli nujum, tukang tilik, dan pekerja yang berkaitan meramal kejadian masa depan dalam kehidupan seseorang dengan mengamalkan ilmu nujum atau teknik yang berkenaan serta memberi amaran dan nasihat atas tindakan yang mungkin diambil.

Tugas merangkumi:

- meramal horoskop seseorang semasa kelahirannya atau kemudian dengan menceritakan kisah lalu dan meramal kejadian dan keadaan masa depan dalam kehidupannya;
- menentukan masa yang baik untuk pelbagai aktiviti manusia seperti pembukaan rasmi, perkahwinan, perjalanan, dan upacara keagamaan yang lain;
- mengkaji pengaruh gugusan bintang dan fenomena lain dalam kehidupan dan keadaan seseorang;
- mentafsirkan perwatakan seseorang melalui tapak tangan, contoh daun terup, dan sebagainya;
- menasihati individu tentang langkah berwaspada yang perlu diambil bagi mengelakkan pengaruh jahat;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51611** *Ahli nujum*
- 51612** *Tukang tilik, tapak tangan*
- 51613** *Tukang tilik*
- 51614** *Ahli numerologi*

5162 PENGIRING DAN PELAYAN

Pengiring dan pelayan menemani dan menjaga pelbagai keperluan peribadi majikan.

Tugas merangkumi:

- mengiringi dan menemani majikan ke pelbagai tempat, membaca, berbual, dan menyertai aktiviti seperti sukan;
- membantu melayani tetamu di rumah majikan;
- menjaga busana dan barang peribadi majikan supaya dalam keadaan teratur;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51621** *Juruiring*
- 51622** *Valet /Pelayan peribadi*

5163 PEKERJA PENGEBUMIAN DAN Pengerasan MAYAT

Pekerja pengebumian dan pengerasan mayat menjalankan pelbagai tugas dalam menguruskan mayat.

Tugas merangkumi;

- mengatur urusan dan mengendalikan upacara pengebumian dan pembakaran mayat;
- mengeraskan mayat untuk melambatkan atau menahan proses pereputan;
- menebuk organ dalaman melalui abdomen untuk mengeluarkan cecair dan gas semula jadi;
- memulihkan bentuk mayat yang cedera dan rosak kepada rupa asal dengan menggunakan lilin, plaster Paris atau bahan lain;
- mengatur dan mengendalikan upacara pengebumian;
- menemuramah keluarga untuk mendapatkan maklumat tentang si mati dan maklumat lain serta melengkapkan dokumen yang berkaitan;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

51631 *Pekerja urusan pengebumian*

51632 *Pekerja pengerasan mayat*

51633 *Atendan krematorium*

5164 PERAPI HAIWAN PELIHARAAN DAN PENJAGA HAIWAN

Perapi haiwan peliharaan dan penjaga haiwan menjaga, melatih, dan membuat persembahan bersama-sama haiwan di zoo, taman burung, dan taman akuatik, mereka merangkumi penjaga haiwan dan jurulatih haiwan - memberi makan, memberi minum, merapi, memandi, dan membawa haiwan berlatih serta membersihkan, nyahjangkit, dan membaik pulih kandang haiwan dan juga mengkhusus dalam perapian atau pemeliharaan penampilan haiwan peliharaan.

Tugas merangkumi:

- menjaga haiwan di zoo, taman burung, dan akuatik;
- memahami dan mengaplikasikan teknik yang diperlukan untuk memberi makan, mengendalikan, melatih, dan merapi haiwan;
- membersihkan dan nyahjangkit kandang dan kawasan sekitar dan mensyampu, memotong kuku, dan merapi haiwan;
- memantau dan mendokumentasikan tingkah laku haiwan dan menyediakan makanan dan memberi haiwan, ikan, dan burung makan pada sela masa yang dijadualkan;
- membantu ahli sains dan penyelidik menjalankan ujian makmal ke atas haiwan;
- mengendalikan dan memelihara haiwan semasa membantu jurubiak baka dan dalam tempoh melatih anjing untuk mematuhi arahan dan melaksanakan tugas tertentu berdasarkan isyarat yang diberikan;
- bermain-main dengan haiwan, menemani dan memerhatikan perubahan tingkah laku yang boleh menunjukkan haiwan sakit atau cedera;
- membersihkan dan mensanitasi kelengkapan untuk mencegah penularan penyakit, menyimpan kelengkapan perapian, dan menyimpan jadual janji temu yang jelas, membincangkan keperluan perapian haiwan dengan pelanggan dan mengumpulkan maklumat tentang kecenderungan haiwan dan perapinya iaitu merupakan orang yang pertama perasan akan masalah kesihatannya, seperti jangkitan di telinga dan kulit yang memerlukan penjagaan veterinar;
- melatih dan membuat persembahan bersama haiwan;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51641** *Pembantu, veterinar*
- 51642** *Penjaga, haiwan*
- 51643** *Penjaga di zoo, taman burung dan akuatik*

5165 PENGAJAR PEMANDUAN

Pengajar pemanduan bertanggungjawab mengajar pelajar memandu dan memastikan keselamatan penumpang di dalam kenderaannya. Mereka mesti menunjukkan teknik pemanduan yang betul dan memantau teknik pemanduan pelajar.

Tugas merangkumi:

- mengajar pelajar tentang peraturan memandu;
- mengajar pelajar tentang keselamatan jalan raya;
- mengajar pelajar tentang pengendalian kereta;
- memastikan keselamatan pelajar dengan mengendalikan dual kawalan (misalnya brek dan cermin);
- memantau teknik pemanduan pelajar;
- bertanggungjawab mengajar;
- penyelenggaraan kereta;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51651** *Instruktur, pemanduan*
- 51652** *Pembantu pegawai latihan E17*
- 51653** *Pengajar kraf E11*

5169 PEKERJA PERKHIDMATAN PERIBADI YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Pekerja perkhidmatan peribadi yang tidak dikelaskan di mana-mana dalam Kumpulan Kecil 516: Pekerja Perkhidmatan Diri Lain. Kumpulan unit ini melaksanakan pelbagai tugas dalam mengekalkan keluhuran undang-undang dan perintah dalam perlindungan harta.

Tugas merangkumi:

- mengawal industri kilang atau harta lain daripada kebakaran, kecurian atau pencerobohan haram, mengiringi kenderaan yang mengangkut wang tunai atau memantau aktiviti di dalam kawasan renang atau bot dan menyelamatkan orang daripada bahaya di pusat pemulihan atau tahanan;
- memberi perlindungan peribadi kepada individu daripada gangguan;
- meronda kawasan untuk mengesan pelanggaran trafik di tempat awam dengan melaksanakan tugas sebagai pengawal peribadi;
- meronda pantai dan kolam renang untuk mencegah kemalangan dan menyelamatkan orang daripada lemas;
- meronda rizab semulajadi, kawasan simpanan mergastua dan kawasan hutan dan persendirian untuk mencegah kecurian dan pemusnahan mergastua;
- menjalankan tugas di dalam air yang bersangkutan dengan kerja penyelamatan atau mengeluarkan mayat;
- bertanggungjawab dalam penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan, penyiasatan kemalangan dan pencemaran marin dan mengumpulkan maklumat tentang penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan serta penyiasatan;

- bertanggungjawab menjaga keselamatan dan bertindak sebagai penyelamat di kolam renang dan bagi pengguna bot di tasik;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 51691 Penyelamat**
- 51692 Pengawal peribadi**
- 51693 Juruselam**
- 51694 Juruselam penyelamat**
- 51695 Pengawal pantai**
- 51696 Penyelamat N1**

52 PEKERJA JUALAN

Pekerja jualan dalam kumpulan utama ini terlibat dalam, atau berkaitan secara langsung dengan pembelian dan penjualan semua jenis barangan dan perkhidmatan dan dalam mengendalikan perniagaan borong dan runcit untuk diri sendiri atau bagi pihak lain.

Kumpulan sub-utama ini terdiri daripada kumpulan kecil yang berikut:

- 521 JURUJUAL TEPI JALAN DAN PASAR**
- 522 JURUJUAL KEDAI**
- 523 JURUWANG DAN KERANI TIKET**
- 524 PEKERJA JUALAN LAIN**

521 JURUJUAL TEPI JALAN DAN PASAR

Jurujual tepi jalan dan pasar menjual pelbagai barangan di gerai yang diberi lesen berniaga yang biasanya di tempat tertentu di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain, atau menjual buah-buahan, sayur-sayuran, dan bahan makanan lain yang biasanya mudah rosak di pasar.

5211 JURUJUAL DI GERAI DAN PASAR

Jurujual di gerai dan pasar menjual pelbagai barangan seperti barangan kraf dan kulit, ukiran kayu, sulaman, renda atau surat khabar, penerbitan berkala, poskad, rokok, coklat dan aiskrim di gerai yang diberi lesen berniaga di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain, atau menjual buah-buahan, sayur-sayuran, dan bahan makanan lain yang biasanya mudah rosak di pasar.

Tugas merangkumi:

- memperoleh kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk mendirikan gerai di tempat yang tertentu di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain;
- membeli atau mengikat kontrak untuk mendapatkan bekalan yang tetap bagi pelbagai barangan yang dijual seperti barangan kraf kulit atau tekstil, ukiran kayu, sulaman atau renda serta mempamerkan dan menjual barangan berkenaan;
- membeli atau mengikat kontrak untuk mendapatkan bekalan yang tetap bagi surat khabar, penerbitan berkala, poskad, rokok, coklat, dan aiskrim serta menjualnya di gerai;
- membeli buah-buahan dan sayur-sayuran segar dan bahan makanan lain yang biasanya mudah rosak, dari pasar borong atau terus daripada pekebun dan menjualnya di pasar;
- mempamerkan atau memperagakan produk dan memberi penjelasan kepada pelanggan tentang kualiti produk tersebut;
- menerima bayaran dan menyimpan akaun;
- membalut atau membungkus barangan yang dijual dan melaporkan atau menyelesaikan aduan pelanggan;

- memperoleh bahan yang boleh digunakan semula dari pertubuhan perindustrian, komersil, dan persendirian untuk dijual semula;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 52111** *Jurujual, gerai*
- 52112** *Jurujual, pasar*
- 52113** *Jurujual, kiosk*
- 52114** *Pembantu, jurujual kaunter/promoter*
- 52115** *Penjual bunga*

5212 JURUJUAL MAKANAN DI TEPI JALAN

Jurujual makanan di tepi jalan menjual pelbagai barangan makanan di gerai yang diberi lesen di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain, atau menjual buah-buahan, sayur-sayuran, dan bahan makanan lain yang biasanya mudah rosak di pasar.

Tugas merangkumi:

- memperoleh kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan untuk mendirikan gerai di tempat yang tertentu di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain;
- memuatkan dan memunggah barangan untuk dijual;
- menjual pelbagai barangan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, dan bahan makanan lain yang biasanya mudah rosak di pasar;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 52121** *Penjaja (makanan dan minuman yang telah disediakan)*
- 52122** *Vendor, tepi jalan/makanan*

522 JURUJUAL KEDAI

Jurujual kedai menjual pelbagai barangan di pertubuhan borong kepada peruncit dan pelanggan berskala besar atau kepada pelanggan di pertubuhan runcit.

5221 PENJAGA KEDAI

Penjaga kedai memiliki dan menguruskan kedai serta menjual barang dan perkhidmatan yang biasanya terletak di tempat tertentu di tepi jalan atau di tempat terbuka yang lain.

Tugas merangkumi:

- memuat dan memunggah barangan untuk dijual;
- menerima bayaran dan menyimpan akaun;
- menyusun dan mempamerkan barangan untuk dijual;
- menasihati pelanggan tentang pilihan, harga, penghantaran, penggunaan, dan penjagaan barang dan perkhidmatan;
- menyediakan bil, invoice, docket, atau resit;
- memeriksa stok dan mengambil bahagian dalam pengiraan stok;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52211 Pokedai

5222 PENYELIA KEDAI

Penyelia kedai menyelia pekerja yang terlibat dalam aktiviti jualan di pertubuhan borong dan runcit atau jabatan jualan atau pertubuhan lain.

Tugas merangkumi:

- menganggar jenis dan kuantiti barangan yang diperlukan oleh pelanggan dan memastikan stok yang mencukupi;
- menyelia kakitangan jualan yang kerja luar dan kakitangan jualan lain;
- memastikan prosedur kredit dan keselamatan dipatuhi;
- merancang, mengelola, dan membangunkan pelbagai jenis insurans perniagaan;
- menyelia pekerja dalam pertubuhan perdagangan borong yang terlibat dalam membeli barangan untuk dijual semula dan menjualnya kepada peruncit dan kepada industri, komersil, dan pengguna besar lain;
- menganggar keperluan perniagaan, dan membeli atau mengesahkan pembelian barangan dari segi jenis, kualiti, dan kuantiti yang diperlukan, biasanya di bawah arahan umum tuan punya atau pengurus;
- menyelia dan mengarahkan kakitangan jualan dan kakitangan lain atau jabatan jualan dalam kerja mereka seharian;
- memastikan dasar kredit dan jualan lain yang berkenaan dipatuhi;
- menghubungi peniaga atau orang perseorangan melalui telefon untuk mencari pelanggan bagi barangan atau perkhidmatan;
- memeriksa stok dan mengambil bahagian dalam pengiraan stok;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52221 Penyelia, jualan

5223 PEMBANTU JUALAN DI KEDAI

Pembantu jualan di kedai menjual barangan di pertubuhan borong kepada peruncit dan pelanggan berskala besar atau kepada pelanggan di pertubuhan runcit dan menerangkan fungsi dan kualiti produk.

Tugas merangkumi:

- memuat dan memunggah barangan untuk dijual dan menyusun serta mempamerkan barangan untuk dijual;
- menerangkan fungsi dan kualiti produk;
- memastikan ciri dan kualiti produk yang diinginkan oleh pelanggan;
- membantu pelanggan membuat pilihan;
- menyebut harga, tempoh kredit, dan diskaun;
- membungkus dan mengatur penghantaran barangan, jika perlu;
- menyediakan bil, invoice, doket, atau resit;
- mengesahkan resit juruwang, jika perlu;
- membuat demonstrasi bagi barangan yang dijual untuk memberitahu pelanggan tentang ciri dan cara penggunaannya serta untuk merangsang minat membeli;

- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52231 *Pembantu, jualan*
52232 *Peruncit*
52233 *Rakan jualan*
52234 *Jurujual, kereta*

523 JURUWANG DAN KERANI TIKET

Juruwang dan kerani tiket berurusan secara terus dengan pelanggan berkenaan penerimaan, pertukaran, dan pembayaran wang di kedai, teater atau pawagam, bank, pejabat pos, dan pertubuhan lain seperti kedai dan pejabat tiket atau pertubuhan seumpamanya.

5230 JURUWANG DAN KERANI TIKET

Juruwang dan kerani tiket menerima wang secara terus daripada pelanggan bagi barangan atau perkhidmatan yang dibeli di pertubuhan seperti kedai dan kaunter tiket atau pertubuhan yang seumpamanya.

Tugas merangkumi:

- menetapkan atau mengenal pasti harga barang, perkhidmatan atau bayaran masuk dan mengira bil dengan menggunakan kalkulator, mesin daftar tunai, atau pengimbas harga optik;
- menerima dan mengesahkan bayaran tunai, cek atau kad kredit di kedai, kaunter tiket atau pertubuhan yang seumpamanya;
- mengembalikan wang baki dan mengeluarkan resit;
- mengeluarkan tiket di kaunter tiket dan mengambil bayaran berkenaan;
- membayar wang tunai mengikut arahan bertulis, nota kredit, atau pertukaran mata wang dan mendapatkan resit;
- menyimpan rekod dan menyesaikannya dengan baki tunai;
- menerima wang masuk serta menyemaknya dengan slip jualan dan dokumen lain;
- mengendalikan mesin daftar tunai;
- membungkus atau meletakkan barang ke dalam beg;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52301 *Juruwang*
52302 *Juruwang, peti pejabat*
52303 *Juruwang, kedai*
52304 *Juruwang, pawagam*
52305 *Juruwang, makanan dan minuman*
52306 *Juruwang, pejabat tempahan*
52307 *Kerani, pengeluaran tiket (kecuali perjalanan)*

524 PEKERJA JUALAN LAIN

Pekerja jualan lain menyediakan model fesyen dan model lain, penunjuk cara jualan, jurujual pintu-ke-pintu, jurujual pusat perhubungan, atendan pusat perkhidmatan, atendan kaunter perkhidmatan makanan, dan pekerja jualan yang tidak dikelaskan di mana-mana.

5241 MODEL FESYEN DAN MODEL LAIN

Model fesyen dan model lain memakai serta memperagakan pakaian dan barangan lain untuk dijual atau bergaya sebagai model bagi pengiklanan atau ciptaan.

Tugas merangkumi:

- memakai pakaian contoh fesyen baru atau semasa atau jenis yang dikehendaki oleh pelanggan;
- memperagakan, dan menunjukkan gaya dan ciri lain dengan sebaik-baiknya;
- bergaya sebagai model untuk fotografi seni foto, ukiran, atau lukisan;
- bergaya sebagai model untuk gambar foto pegun atau filem dan fotografi rakaman video dalam bidang pengiklanan;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52411 Model, fesyen

52412 Model, pengiklanan

52413 Model, artis

5242 PENUNJUK CARA JUALAN

Penunjuk cara jualan menunjuk cara dan menjual barangan di dalam pertubuhan borong kepada peruncit dan pelanggan berskala besar atau kepada pelanggan di pertubuhan runcit.

Tugas merangkumi:

- menyusun dan mempamerkan barangan untuk dijual;
- menasihati pelanggan tentang pilihan, harga, penghantaran, penggunaan, dan penjagaan barang dan perkhidmatan;
- membuat demonstrasi bagi barangan yang dijual untuk memberitahu pelanggan tentang ciri dan cara penggunaannya serta untuk merangsang minat membeli;
- menghubungi peniaga atau orang perseorangan melalui telefon untuk mencari pelanggan bagi barangan atau perkhidmatan;
- berusaha merangsang minat untuk membeli produk dengan menerangkan kebaikan dan kegunaannya;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52421 Penunjuk cara

52422 Telemarketer

52423 Rollerboy

5243 JURUJUAL PINTU-KE-PINTU

Jurujual pintu-ke-pintu merujuk pengetahuan tentang prinsip dan kaedah untuk menunjukkan, mempromosi, dan menjual produk, atau perkhidmatan. Ini merangkumi strategi dan taktik pemasaran, demonstrasi produk, teknik menjual, dan sistem kawalan jualan untuk pelanggan dan perkhidmatan persendirian. Ini merangkumi menilai keperluan pelanggan, memenuhi standard kualiti perkhidmatan, dan menilai kepuasan pelanggan.

Tugas merangkumi:

- menghubungi pelanggan melalui telefon, mel, atau pertemuan untuk menawarkan atau memujuk mereka agar membeli barangan atau perkhidmatan;
- menyusun dan mempamerkan sampel barangan dalam majlis atau di rak pameran;
- menerangkan tentang produk atau perkhidmatan dan harga serta menunjuk cara kegunaan produk;
- menghantar barangan, berkhidmat untuk pelanggan, mengutip bayaran, dan memberi baki wang;
- mendampingi bakal pelanggan atau bergerak dengan berjalan kaki atau menaiki trak, atau kereta untuk menghantar atau menjual barangan atau perkhidmatan;
- mengagihkannya sampel produk atau risalah yang menerangkan tentang produk atau perkhidmatan secara terperinci;
- memesan atau membeli bekalan dan menyimpan troli atau rak pameran;
- mengambil pesanan barangan atau memasukkan pesanan ke dalam komputer;
- mengatur majlis pembelian dan mencari penaja majlis untuk menjual barangan;
- menerangkan produk atau perkhidmatan dan harga serta menunjukkan cara penggunaan produk;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 52431** *Jurujual lelaki/wanita, pemasaran*
- 52432** *Jurujual lelaki/wanita, pelancongan*

5244 JURUJUAL DI PUSAT PERHUBUNGAN

Jurujual di pusat perhubungan menjawab panggilan masuk untuk membantu pelanggan yang mempunyai pertanyaan khusus.

Tugas merangkumi:

- menjawab panggilan masuk untuk membantu pelanggan yang mempunyai pertanyaan khusus;
- membina minat pelanggan terhadap perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh syarikat;
- mengemas kini pangkalan data sedia ada dengan perubahan dan status setiap pelanggan/bakal pelanggan;
- mengatur penghantaran produk, pakej maklumat, brosur, dan sebagainya kepada pelanggan dan pihak lain yang berminat;
- membuat panggilan susulan dengan pelanggan bagi melaksanakan tugas perkeranian yang melibatkan faksimili, melengkapkan kertas kerja, membuat semakan tentang rujukan kredit serta berurusan dengan jabatan lain;
- keupayaan untuk memahami, mencerna serta mentafsir maklumat asas daripada pelanggan;
- mendapatkan maklum balas untuk menambah baik perkhidmatan, menjawab pertanyaan bagi perkhidmatan/bantuan;

- keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan serta memenuhi permintaan dalam perubahan kerja persekitaran, sebarang kelewatan atau permintaan lain yang tidak dijangka;
- menganalisis pelbagai bahagian masalah dengan betul dan membangunkan penyelesaian yang logik;
- keupayaan untuk bekerja dengan baik sebagai salah seorang ahli pasukan – untuk mempamerkan keobjektifan dan menerima idea dan pandangan orang lain dengan fikiran terbuka, membantu orang lain untuk berjaya;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

5245 ATENDAN PAM DAN PUSAT SERVIS

Atendan pam dan pusat servis menservis kereta, bas, trak, bot, dan kenderaan lain dengan bahan bakar, minyak pelincir, dan aksesori, mengisi minyak pelincir pada kenderaan, menukar minyak motor, memasang antibeku, menggantikan lampu atau aksesori lain seperti bilah pengelap cermin depan atau sawat kipas, membaik pulih atau menggantikan tayar.

Tugas merangkumi:

- memeriksa tekanan udara di dalam tayar kenderaan dan paras bahan bakar, minyak motor, transmisi, radiator, bateri, dan bendalir lain serta menambah udara, minyak, air, atau bendalir lain seperti yang diperlukan;
- mengutip bayaran tunai daripada pelanggan dan memberi wang baki, atau menukar pembelian kepada kad kredit pelanggan dan memberi resit kepada pelanggan;
- mengaktifkan pam bahan bakar dan mengisi tangki bahan bakar kenderaan dengan gasolin atau bahan bakar diesel hingga paras yang ditetapkan;
- memesan stok dan menetapkan harga serta menyusun barangan masuk di atas rak;
- menyediakan laporan harian bagi jualan bahan bakar, minyak, dan aksesori;
- menjual dan memasang aksesori seperti bateri, bilah pengelap cermin depan, sawat kipas, mentol, dan penunjuk arah;
- menyimpan rekod pelanggan dan membuat susulan dengan telefon, mel, atau peringatan peribadi atau peringatan tarikh servis berikutnya;
- melaksanakan baik pulih kecil seperti melaraskan brek, menggantikan palam pencucuh, dan menukar minyak enjin dan penapis;
- menyediakan maklumat kepada pelanggan tentang pergiliran antara jalan raya dengan lebuhraya, ujian dan pembaikan jalan raya dan lebuhraya, serta maklumat tentang cara menukar tayar;
- menyemak stok dan terlibat dalam pengiraan stok;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52451 *Atendan, stesen petrol*

52452 *Atendan, pusat servis*

5246 ATENDAN DI KAUNTER MAKANAN

Atendan di kaunter makanan memanaskan dan menghidangkan makanan yang ringkas. Makanan ringkas ini dihidangkan kepada pelanggan di kaunter makanan.

Tugas merangkumi:

- memperoleh pengetahuan tentang item menu dan teknik penyediaan makanan dan mengambil pesanan pelanggan;

- melakukan pengiraan ringkas, boleh menerima bayaran bagi item makanan;
- memberi maklumat dan mengambil pesanan pelanggan;
- menghidangkan makanan kepada pelanggan di kaunter;
- membahagikan dan membungkus makanan atau meletakkannya di atas pinggan untuk dihidang kepada pelanggan dan membungkus makanan untuk dibawa pulang;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

52461 *Atendan, kaunter makanan*

5249 PEKERJA JUALAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Pekerja jualan yang tidak dikelaskan di mana-mana melaksanakan pelbagai tugas penjualan yang tidak dilaksanakan oleh mereka yang dikelaskan. Fungsi mereka merangkumi meminjamkan wang kepada pelanggan yang diikat dengan ikrar atau bon; meminjamkan wang dengan dikenakan faedah kepada individu atau syarikat dengan atau tanpa cagaran atau memberi butiran tentang perkhidmatan yang disediakan.

Tugas merangkumi:

- menyusun dan mempamerkan barangan untuk dijual;
- menasihati pelanggan tentang pilihan, harga, penghantaran, penggunaan, dan penjagaan barang perkhidmatan;
- menyediakan bil, invoice, doket, atau resit;
- membuat demonstrasi bagi barangan yang dijual untuk memberitahu pelanggan tentang ciri dan cara penggunaannya serta untuk merangsang minat membeli;
- menghubungi peniaga atau orang perseorangan melalui telefon untuk mencari pelanggan bagi barangan atau perkhidmatan;
- memeriksa stok dan mengambil bahagian dalam pengiraan stok;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyalia pekerja lain.

53 PEKERJA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL

Pekerja perkhidmatan penjagaan diri menyediakan pekerja asuhan kanak-kanak dan pembantu guru, pekerja perkhidmatan penjagaan diri di pusat perubatan, pekerja perkhidmatan penjagaan diri di rumah dan pekerja penjagaan diri di pusat perubatan yang tidak dikelaskan di mana-mana.

Kumpulan sub-utama ini terdiri daripada kumpulan kecil yang berikut:

531 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK DAN PEMBANTU GURU
532 PEKERJA PERKHIDMATAN PENJAGAAN DIRI DI PUSAT PERUBATAN

531 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK DAN PEMBANTU GURU

Pekerja asuhan kanak-kanak dan pembantu guru menjaga anak majikan dan mengawasi aktiviti harian mereka, atau membantu guru menjaga kanak-kanak sekolah.

5311 PEKERJA ASUHAN KANAK-KANAK

Pekerja asuhan kanak-kanak dan pembantu guru menjaga anak majikan dan mengawasi aktiviti harian mereka, atau membantu guru menjaga kanak-kanak sekolah.

Tugas merangkumi:

- membantu kanak-kanak berdikari, mandi, memakai baju dan makan;
- melayani pelbagai keperluan peribadi dan pada amnya memberi perkhidmatan penjagaan diri bagi mereka yang memerlukan penjagaan tersebut di rumah mereka sendiri disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental atau ketidakupayaan atau kecacatan yang disebabkan oleh umur lanjut;
- menemani kanak-kanak ke sekolah atau pulang dari sekolah atau untuk rekreasi di luar rumah;
- menjaga anak majikan dan mengawasi aktiviti harian mereka atau membantu guru menjaga kanak-kanak di sekolah;
- bermain-main dengan kanak-kanak, atau menghiburkan mereka dengan membaca atau bercerita;
- menjaga kebajikan dan keselamatan kanak-kanak semasa ketiadaan ibu bapa mereka;
- menjaga bilik tidur dan bilik main kanak-kanak agar dalam keadaan teratur;
- menjaga kanak-kanak sekolah semasa rombongan, lawatan ke muzium, dan aktiviti seumpamanya;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

53111 *Pekerja, asuhan kanak-kanak*

53112 *Pembantu, taska*

53113 *Atendan, taska*

53114 *Pekerja, taska*

53115 *Pengasuh kanak-kanak*

53116 *Tukang bobok /dodoi*

5312 PEMBANTU GURU

Pembantu guru membantu guru dalam kerja pentadbiran dan pengajaran. Menyelia pelajar dalam kelompok umur yang berbeza dan dengan keperluan khas. Boleh mendengar semasa pelajar membaca atau membantu mereka mendapatkan maklumat untuk laporan. Menyelia pelajar yang membuat projek dan memberi perhatian tambahan kepada pelajar yang menghadapi masalah di sekolah.

Tugas merangkumi:

- membantu menyediakan rancangan pengajaran dan penyampaian subjek akademik seperti yang diarahkan;
- memberi dan memantau markah ujian serta merekodkan gred;
- mengendalikan kelengkapan audio/visual, komputer dan alat bantu mengajar yang lain;
- memerhatikan dan memantau aktiviti pelajar di dalam bilik darjah;
- membantu guru melaksanakan tertib dan disiplin di dalam bilik darjah;
- menyemak kedatangan pelajar, menyusun tempat duduk, dan memastikan pelajar yang tidak hadir;
- memberi saranan kepada guru berhubung dengan kemajuan dan matlamat pelajar;
- menyimpan rekod, fail, dan perkembangan tentang pelajar;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

53120 *Pembantu guru*

532 PEKERJA PERKHIDMATAN PENJAGAAN DIRI DI PUSAT PERUBATAN

Pekerja perkhidmatan penjagaan diri di pusat perubatan menyediakan penjagaan diri yang rutin seperti mandi, memakai baju, atau terapi orang tua, pesakit dalam tempoh pemulihan, atau orang kurang upaya di rumah pesakit atau di pusat penjagaan.

5321 PEMBANTU PENJAGAAN KESIHATAN

Pembantu penjagaan kesihatan membantu individu mendapatkan penjagaan kesihatan sebagai ahli pasukan penjagaan kesihatan di bawah arahan profesional penjagaan kesihatan. Ini boleh merujuk kepada pembantu jururawat, pembantu, atendan lelaki, atau pembantu perkhidmatan penjagaan diri. Pembantu memberi perkhidmatan penjagaan diri seperti mandi, menyuapkan makanan, dan memakaikan baju. Pembantu ini juga melaksanakan fungsi sokongan seperti memerhatikan tanda-tanda yang penting, mengemaskan katil, mengalihkan pesakit, dan membantu pesakit dalam aktiviti harian. Pembantu ini boleh bekerja dalam pelbagai persekitaran, tetapi tidak terhad kepada, rumah orang tua atau penjagaan jangka panjang, pusat perkhidmatan penjagaan diri, hospital, agensi penjagaan kesihatan di rumah, dan rumah pesakit.

Tugas merangkumi:

- membasuh dan memakaikan baju;
- menyuapkan makanan;
- membantu pesakit bergerak;
- membantu pesakit pergi ke tandas;
- mengemas katil;
- membantu pesakit supaya berasa selesa;
- memantau keadaan pesakit dengan mengambil suhu badan dan denyutan nadi, perpeluhan, serta berat badan;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 53211** *Pembantu, perawatan/rumah*
- 53212** *Pembantu, pembedahan pergigian U17*
- 53213** *Pembantu, farmasi*
- 53214** *Pembantu, hospital*
- 53215** *Pekerja, hospital*
- 53216** *Pembantu, kesihatan awam U11*
- 53217** *Penolong, jururawat U11*
- 53218** *Atendan, kesihatan U3*

5322 PEKERJA PENJAGAAN DIRI DI RUMAH

Pekerja penjagaan diri di rumah berusaha untuk membolehkan individu tinggal di rumah dan tidak tinggal di institusi penjagaan untuk jangka masa yang panjang. Penyediaan perkhidmatan penjagaan diri memberi perkhidmatan di rumah pesakit. Perkhidmatan ini merangkumi beberapa kombinasi perkhidmatan penjagaan kesihatan profesional dan perkhidmatan bantuan hidup.

Tugas merangkumi:

- membantu tugas seharian seperti menyediakan makanan, mengingatkan pengambilan ubatan, mencuci pakaian, membuat kerja pengemasan yang ringan, memungut dan menghantar barang, membeli-belah, menguruskan pengangkutan, dan menemani pelanggan;

- memandikan, memakaikan baju, dan mengalihkan pesakit, membantu pesakit menggunakan tandas, membantu pesakit makan dan berjalan yang mencerminkan keupayaan pesakit untuk menjaga diri sendiri;
- meringankan kerja rumah, menyediakan makanan, mengambil ubatan, membeli-belah barangan dapur dan pakaian, menggunakan telefon dan menguruskan wang yang membolehkan pesakit hidup berdikari dalam masyarakat;
- membantu orang tua dan kurang upaya dalam aktiviti hidup harian di rumah pelanggan atau di pusat penjagaan waktu siang;
- boleh menasihati keluarga, orang tua dan kurang upaya tentang perkara seperti nutrisi, kebersihan, dan kemudahan di dalam rumah;
- melaksanakan tugas berkaitan penjagaan kesihatan, seperti memantau tanda-tanda penting dan tanda-tanda perubatan, di bawah arahan jururawat berdaftar dan ahli fisioterapi;
- menjaga individu dan keluarga mereka dalam tempoh individu dan keluarganya lemah, dalam gangguan keluarga atau tempoh tidak upaya, menemani individu, memberi perkhidmatan penjagaan diri dan membantu individu menyesuaikan diri dengan gaya hidup baru;
- menjalankan tugas yang berkaitan.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

53221 *Atendan, mandi*

5329 PEKERJA PERKHIDMATAN PENJAGAAN DIRI DI PUSAT PERKHIDMATAN PERUBATAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi pekerja di pusat perkhidmatan perubatan yang tidak dikelaskan di mana-mana dalam Kumpulan Kecil 532: Pekerja Perkhidmatan Penjagaan Diri di Pusat Perkhidmatan Penjagaan Diri.

Tugas merangkumi:

- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

53291 *Pekerja perkhidmatan penjagaan diri di pusat perkhidmatan perubatan yang tidak dikelaskan di mana-mana*

54 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

Pekerja perkhidmatan perlindungan memberi perkhidmatan perlindungan berkaitan dengan ahli bomba, pegawai polis, pengawal penjaga, pengawal keselamatan, dan perkhidmatan perlindungan yang tidak dikelaskan di mana-mana.

Kumpulan sub-utama ini terdiri daripada kumpulan kecil yang berikut:

541 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

Pekerja perkhidmatan perlindungan melindungi individu dan harta daripada kebakaran dan bahaya yang lain, memelihara undang-undang dan ketenteraman serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

5411 AHLI BOMBA

Ahli bomba mencegah dan cuba memadamkan kebakaran, menyelamatkan orang, harta benda dan barang semasa dan selepas berlakunya sesuatu kebakaran dan kemalangan besar.

Tugas merangkumi:

- mencegah dan memadamkan kebakaran;
- memadamkan jenis kebakaran tertentu dan menggunakan peralatan yang khusus di pertubuhan industri;
- mencegah dan memadamkan kebakaran pada kapal terbang terhempas atau rosak serta menyelamatkan anak kapal dan penumpang;
- menyelamatkan orang atau harta benda serta barang semasa atau selepas berlakunya sesuatu kebakaran dan kemalangan besar;
- mencegah atau mengehadkan merebaknya bahan berbahaya jika berlaku kebakaran atau kemalangan;
- memadamkan kebakaran sebagai anggota pemadam kebakaran awam;
- menyambung dan mengarahkan hos jet air atau bahan kimia kepada kebakaran, atau menggunakan pemadam api mudah alih di tempat yang tidak dapat dicapai oleh hos;
- mengarahkan pemadaman kebakaran dan operasi menyelamatkan, dan melatih kakitangan memadam api;
- mengarahkan operasi menyelamatkan untuk menyelamatkan orang, haiwan, dan harta yang terperangkap serta memberi pertolongan cemas kepada mangsa yang tercedera;
- menyiasat punca kebakaran dan mengemukakan laporan kepada ketua;
- mencegah atau memadamkan kebakaran ketika kerosakan atau kemalangan pesawat dan menyelamatkan anak kapal dan penumpang;
- menyemburkan busa kimia ke atas luncuran untuk mengurangkan bahaya letupan yang disebabkan oleh hentaman apabila pesawat bermasalah hendak membuat pendaratan kecemasan;
- bertanggungjawab sebagai penyelia dalam operasi memadamkan kebakaran, pegawai keselamatan dewan dan menguruskan pentabiran harian di balai.
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 54111 Ahli bomba**
- 54112 Pemadam kebakaran (lapangan terbang)**
- 54113 Pegawai, bomba KB17**
- 54114 Pegawai pencegahan kebakaran**

5412 PEGAWAI POLIS

Pegawai polis memelihara undang-undang dan ketenteraman serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

Tugas merangkumi:

- memelihara undang-undang dan ketenteraman;
- melindungi orang dan harta benda daripada bahaya dan peraturan yang menyalahi undang-undang;
- mendapatkan fakta tentang pencegahan dan penyelesaian jenayah dan menangkap orang yang mencabuli undang-undang;
- menahan orang yang melanggar undang-undang;
- mengarahkan trafik dan menggunakan kuasa sekiranya berlaku kemalangan;

- memelihara undang-undang dan ketenteraman, melindungi orang dan harta benda daripada bahaya dan perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- bertanggungjawab mengeluarkan saman kepada pesalah peraturan trafik, melaksanakan kuasa sekiranya berlaku kemalangan;
- memberi pertolongan cemas dan menjalankan penyiasatan yang perlu, memelihara ketenteraman semasa kebakaran, memeriksa tempat perhimpunan awam yang diberikan kebenaran, dan menyediakan maklumat umum;
- menyimpan rekod, membuat laporan aktiviti, dan memberi bukti di mahkamah;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 54121** *Konstabel polis Y14*
- 54122** *Pegawai, polis*
- 54123** *Peronda, polis*
- 54124** *Warden, trafik*
- 54125** *Pegawai rendah polis dan konstabel YY1-YY10*
- 54126** *Pegawai rendah polis dan konstabel sokongan YT1- 10*
- 54127** *Pegawai rendah dan konstabel orang asli YP1-10*
- 54128** *Pembantu, kesatria S17*

5413 PENGAWAL PENJARA

Pengawal penjara mengawasi dan menjaga disiplin dalam kalangan banduan penjara, pusat pemulihan, atau kurungan penjara.

Tugas merangkumi:

- memeriksa banduan yang baru sampai, menyimpan barang berharga mereka di tempat selamat, mengiringi mereka ke sel penjara dan menguncinya;
- membuat rondaan pemeriksaan dari semasa ke semasa di sel penjara ;
- menyelia banduan ketika mereka bekerja, makan, atau semasa berjalan-jalan dan meronda kawasan penjara untuk mencegah banduan daripada cuba melarikan diri;
- mengarahkan trafik dan menggunakan kuasa sekiranya berlaku kecemasan;
- bertanggungjawab mengawal banduan (orang tahanan/juvana) di dalam aspek keselamatan melibatkan fizikal dan pengurusan hal ehwal banduan termasuk tugas-tugas hospital dan menghadiri perbicaraan di mahkamah;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 54131** *Pengawal, penjara*
- 54132** *Warden, penjara*
- 54133** *Pegawai, penjara KX11*

5414 PENGAWAL KESELAMATAN

Pengawal keselamatan mengawal kilang industri, gudang, rumah dan harta lain daripada kebakaran, kecurian, pencerobohan serta mengiringi kenderaan yang membawa wang tunai atau barang berharga untuk melindunginya daripada dicuri atau dirompak.

Tugas merangkumi:

- membenarkan pekerja dan orang yang dibenarkan masuk dan tidak membenarkan orang yang tidak dibenarkan masuk;
- mengeluarkan pas sementara kepada pelawat yang dibenarkan masuk selepas merekod maklumat penting dan mengutip kembali pas keselamatan sementara apabila mereka kembali;
- mengambil maklumat kenderaan yang memasuki atau meninggalkan kilang atau kawasan;
- memeriksa kenderaan yang meninggalkan kawasan bagi mencegah pengeluaran barang tanpa kebenaran;
- meronda di dalam dan sekitar kawasan bagi mencegah pencerobohan;
- memerhatikan perkara yang tidak kena seperti bahaya kebakaran, jentera, atau kelengkapan yang tidak berfungsi, lampu yang ditinggalkan menyala, paip yang bocor, dan pintu keselamatan yang tidak berkunci;
- mengawasi loceng amaran dan menghubungi penyelia, pasukan bomba, atau polis melalui radio atau telefon sekiranya keselamatan dicabuli;
- mengiringi atau memandu kenderaan yang membawa wang tunai, gaji, atau barang berharga untuk melindunginya daripada dicuri atau dirompak;
- menjalankan pemeriksaan keselamatan terhadap penumpang dan bagasi di lapangan terbang;
- mengiringi pihak tertentu ke kamar mahkamah atau seumpamanya;
- bertanggungjawab menyelia dan menyelaras Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14, menentukan kawalan perjalanan di semua pintu masuk semua bangunan dipatuhi dan mengarahkan pengawal-pengawal keselamatan mengawasi pelawat-pelawat yang memasuki kompleks;
- bertanggungjawab membuat rondaan di dalam dan di luar bangunan, mendaftar dan mengeluarkan pas keselamatan kepada pengawal/pekerja dan melaporkan semua pelanggaran peraturan keselamatan kepada Pegawai Keselamatan Kanan (KP17);
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 54141** *Pengawal, gedung serbaneka/industri*
- 54142** *Pembantu keselamatan KP17*
- 54143** *Sarjan major, keselamatan*
- 54144** *Pengawal keselamatan KP11*
- 54145** *Pengawal*
- 54146** *Pengawal, pejabat*
- 54147** *Concierge*

5415 PEGAWAI DAN PEMBANTU IMIGRESEN/KASTAM

Pegawai dan pembantu imigresen/kastam, bertanggungjawab memeriksa dan menilai kebolehmasukan semua penumpang yang memasuki pelabuhan laut dan lapangan terbang. Memeriksa dokumen, mengumpulkan keperisikan dan sekiranya perlu, menggunakan kuasa perundangan untuk menahan atau mengusir pendedar tanpa izin, untuk melindungi masyarakat dengan memerangi pengimportan barangan berbahaya dan diharamkan seperti senjata api, dadah, dan bahan lucah. Terlibat dalam sasaran kerja pencegahan dan mencari kenderaan, angkut barang, dan dokumentasi.

Tugas merangkumi:

- memilih dan mensasarkan kenderaan tertentu berdasarkan risiko, keperisikan, kesalahan terdahulu, maklumat penghantaran terdahulu, rekod komputer, dan aliran semasa;

- mencari individu, kenderaan, dan kargo bagi barangan yang diseludup;
- memeriksa dokumen berhubung dengan barang angkut yang diimport;
- memeriksa barang angkut secara fizikal untuk memastikan barangan yang dibawa sama seperti yang dinyatakan dalam dokumen;
- menahan individu yang disyaki menyeludup barang;
- menyediakan panduan dan dasar untuk memenuhi keperluan jabatan;
- menyemak panduan, menulis semula dan melakukan penambahbaikan untuk memasukkan berita, pandangan, dan hal perundangan;
- menyemak fakta dan perincian prosedur dan garis panduan agar tepat, memetik atau merujuk orang bagi seksyen undang-undang yang khusus atau panduan dalaman yang berkaitan dengan pelbagai kemusykilan harian, sering kali berkaitan dengan prestasi atau perkara yang buruk atau percubaan atau perundangan, memberi nasihat tentang prosedur betul yang perlu dipatuhi serta isu dan risiko yang berkaitan dengan beberapa tindakan;
- berhubung dengan orang dalam perniagaan ini untuk mendapatkan pandangan tentang dasar dan panduan yang boleh ditambah baik atau dipinda;
- bekerja secara yang terpuji dengan pelanggan dan juga dengan rakan sekerja dalam pasukan yang berlainan dan di seluruh negara;
- bertanggungjawab menerima/menyemak permohonan daripada warganegara dalam urusan pengeluaran pasport dan dokumen pengeluaran visa, pas dan permit kepada rakyat asing yang memasuki negara untuk tujuan melancong, melabur, berniaga, belajar dan sebagainya, membuat tugas-tugas penguatkuasaan dan tugas-tugas imigresen di pintu-pintu masuk;
- bertanggungjawab membantu dan menguatkuasakan undang-undang, membantu tugas-tugas operasi di premis –premis perniagaan, pemeriksaan ke atas premis perniagaan borong, runcit, membantu dalam tugas-tugas operasi penyeludupan, permohonan lesen borong dan runcit, menjalankan siasatan ke atas kes-kes yang diambil tindakan di bawah undang-undang yang di kuatkuasakan, memproses permohonan permit permindahan beras, mengumpul maklumat barang-barang kawalan, memproses permohonan lesen import, hasil sampingan beras seperti tepung beras, tepung pulut, bihun dan lain-lain dan menyediakan maklumat-maklumat berkaitan import/ eksport barang tersebut;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia, menjadual dan memantau tugasan pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

54151 Pegawai, imigresen KP17

54152 Pembantu, penguasa kastam W17

54153 Pembantu, pertahanan awam KP17

54154 Pembantu, penguatkuasa N17

5419 PEKERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN YANG TIDAK DIKELASKAN DI MANA-MANA

Kumpulan unit ini merangkumi pekerja perkhidmatan perlindungan yang tidak dikelaskan di mana-mana dalam Kumpulan Kecil 514: Perkhidmatan Perlindungan dan Pekerja Yang Berkaitan. Sebagai contoh, di sini seharusnya dikelaskan mereka yang bekerja sebagai pengawal peribadi, penyelamat, atau warden haiwan buruan.

Tugas merangkumi:

- melaksanakan tugas pengawal peribadi;
- meronda pantai dan kolam renang untuk mencegah kemalangan dan menyelamatkan orang daripada lemas;
- meronda rizab semulajadi, kawasan simpanan mergastua dan kawasan hutan dan persendirian untuk mencegah daripada kecurian dan pemusnahan mergastua;

- menjalankan pelbagai tugas di dalam air yang bersangkutan dengan kerja penyelamatan atau mengeluarkan mayat;
- bertanggungjawab mengetuai kakitangan menjalankan rondaan, serang hendap, dan pengeledahan, mengikut Akta Perlindungan Hidupan Liar No. 76/72, menyediakan surat pendakwaan, mengetuai tugas kawalan terhadap gangguan ke atas hidupan liar, mengawal atur, menyelia, dan membantu ketua jabatan melaksanakan tugas pentadbiran;
- bertanggungjawab atas pemulihan dan penjagaan taman, menyelia kakitangan membuat kerja lapangan, dan meronda sempadan taman;
- bertanggungjawab membantu dalam menerima, mendapat serta mengumpulkan maklumat, merisik, menyiasat dan membantu dalam pendakwaan kes-kes yang berhubung dengan kegiatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dibawah Akta Pencegah Rasuah dan undang-undang yang di tetapkan. Membantu dalam menjalankan tugas-tugas pencegahan seperti memberi ceramah dan sebagainya;
- menjalankan tugas yang berkaitan;
- menyelia pekerja lain.

Contoh pekerjaan yang dikelaskan di sini:

- 54191 Renjer permainan**
- 54192 Warden, hidupan liar**
- 54193 Pembantu, taman/ladang G17**
- 54194 Detektif, hotel**
- 54195 Pembantu, penyiasatan KR17**
- 54196 Penyiasat, perindustrian**
- 54197 Pengawas, pemulihan N1**
- 54198 Pembantu, hidupan liar G17**